



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMoe)  
[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



**PENGARUH EFIKASI KENDIRI TERHADAP KOMPETENSI  
BUDAYA DALAM KALANGAN PELAJAR PROGRAM  
PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA**

*THE INFLUENCE OF SELF-EFFICACY ON CULTURAL COMPETENCE AMONG  
TEACHER EDUCATION PROGRAM STUDENTS IN MALAYSIA*

Nang Nashirah Nik Dahalan<sup>1</sup>, Yasmin Ahmad<sup>2\*</sup>, Mardzelah Makhsin<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia  
Email: [nangnashirah@gmail.com](mailto:nangnashirah@gmail.com)

<sup>2</sup> Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia  
Email: [yasminahmad@unimap.edu.my](mailto:yasminahmad@unimap.edu.my)

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: [mazfaniy@uum.edu.my](mailto:mazfaniy@uum.edu.my)

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 06.06.2023

**To cite this document:**

Dahalan, N. N. N., Ahmad, Y., & Makhsin. M. (2023). Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Kompetensi Budaya dalam Kalangan Pelajar Program Pendidikan Guru di Malaysia. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 178-185.

DOI: 10.35631/IJMoe.517014

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian etnik dan budaya. Dalam usaha memahami kepelbagaian budaya di Malaysia, antara caranya ialah perlunya wujud dalam diri bakal guru efikasi sendiri yang tinggi untuk mengajar di dalam kelas yang mempunyai kepelbagaian budaya pelajar. Efikasi sendiri terhadap kepelbagaian budaya yang wujud merupakan aspek penting di dalam diri bakal guru ketika berhadapan dengan pelajar daripada pelbagai latar belakang budaya. Bakal guru perlu mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi supaya setiap sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas yang terdiri daripada budaya yang pelbagai dapat menarik minat pelajar dan tidak berlaku bias, seterusnya dapat mengoptimumkan pengajaran guru terhadap pelajar di dalam kelas. Program pendidikan guru perlu menyediakan lebih banyak peluang kepada bakal guru untuk terlibat dengan kepelbagaian budaya supaya dapat meningkatkan efikasi sendiri mereka untuk mengajar pelajar yang pelbagai dan seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap pengajaran guru terhadap pelajar yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya.

**Kata Kunci:**

Efikasi Kendiri, Kepelbagaian Budaya, Kompetensi Budaya

**Abstract:**

Malaysia is a country with ethnic and cultural diversity. In an effort to understand the cultural diversity in Malaysia, one of the ways is the need to have high self-efficacy in preservice teachers to teach in a class with diverse student cultures. Self-efficacy against the cultural diversity that exists is an important aspect in a preservice teacher when dealing with students from various cultural backgrounds. Preservice teachers need to have a high level of self-efficacy so that each teaching and learning session in a class that consists of diverse cultures can attract students' interest and not be biased, thereby optimizing the teacher's teaching towards students in the class. Teacher education programs need to provide more opportunities for preservice teachers to engage with cultural diversity so that they can increase their self-efficacy to teach diverse students and further improve the level of teacher teaching towards students who are made up of various ethnicities and cultures.

**Keywords:**

Self-Efficacy, Cultural Diversity, Cultural Competence

**Pengenalan**

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana mempunyai kepelbagaian etnik dan budaya dan telah melalui proses 'pecah dan perintah' yang dilakukan oleh pihak penjajah. Dari sudut pendidikan, etnik dan masyarakat yang pelbagai ini telah mempengaruhi aspek pendidikan sehingga wujudnya sistem pendidikan vernakular. Melalui pendidikan, dapat dilihat pendidikan mempunyai peranan penting dalam menyatupadukan pelbagai etnik bagi mewujudkan sebuah 'Bangsa Malaysia' yang harmoni (Abdullah & Liu, 2018). Kepelbagaian budaya merupakan salah satu ciri istimewa yang terdapat di Malaysia yang lahir daripada masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan agama (Omar et al., 2018).

Pada masa kini, akibat daripada berlakunya migrasi dan globalisasi, banyak negara mengalami kepelbagaian etnik dan budaya (Alizadeh & Chavan, 2015). Globalisasi telah mempengaruhi kepelbagaian etnik dan budaya seterusnya memerlukan guru untuk memahami dan menerima perubahan tersebut. Kesan daripada migrasi keatas pekerjaan guru dan cabaran untuk guru dalam bidang pendidikan perlu dititikberatkan. Guru perlu mempunyai keupayaan mengajar yang tinggi dan menggunakan teknik pengajaran yang sesuai untuk mengajar pelajar daripada budaya yang pelbagai dan program pendidikan guru perlu dikembangkan supaya bersesuaian dengan kepelbagaian budaya pelajar yang wujud pada hari ini (Paine et al., 2017; Ahmad et al., 2018).

**Efikasi Kendiri**

Definisi konsep efikasi sendiri ialah keupayaan seseorang untuk mencapai tahap prestasi tertentu, atau keyakinan diri seseorang untuk terlibat dalam tingkah laku yang menghasilkan sesuatu yang diingini (MacNab & Worthley, 2012; van Rooij et al., 2019). Konsep efikasi sendiri adalah berdasarkan teori efikasi sendiri oleh Bandura (1977) yang menjelaskan

mengapa tingkah laku orang ramai adalah berbeza-beza walaupun mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang sama.

Konsep efikasi sendiri diperkenalkan oleh ahli psikologi Kanada-Amerika iaitu Albert Bandura (Bandura, 1977). Konsep ini menyatakan keyakinan diri terhadap keupayaan diri sendiri, kesedaran diri, kepercayaan terhadap keupayaan diri untuk merancang dan bertindak mengikut cara yang diperlukan bagi mencapai matlamat tertentu, ketika menguruskan sesuatu situasi atau tugas. Efikasi sendiri adalah aspek penting dan merangkumi tiga aspek iaitu; pertama, keupayaan untuk menghadapi cabaran persekitaran yang pelbagai; kedua, persoalan motivasi diri ketika berada dalam persekitaran yang pelbagai; dan ketiga, perlunya matlamat dalam diri (Barakat et al., 2015).

Menurut Bandura (1997b), efikasi sendiri adalah kepercayaan dan keyakinan seseorang individu terhadap keupayaannya untuk menyelaras dan melaksanakan sesuatu tindakan yang diperlukan bagi mencapai tujuan yang dikehendaki. Bandura mendefinisikan efikasi sendiri sebagai kemampuan diri seseorang dalam melakukan tugas atau tindakan yang diperlukan individu. Bandura (1997a) menyatakan bahawa definisi efikasi sendiri akan menjadi lebih jelas jika efikasi sendiri dapat membentuk kesungguhan individu untuk merancang, merangka strategi dan menjalankan tugas secara berkesan. Menurut Bandura (1997a) lagi, efikasi sendiri guru adalah kesungguhan mereka dalam memberikan yang terbaik kepada pembelajaran pelajar. Individu yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi yang dicirikan oleh motivasi mempunyai kegigihan yang lebih tinggi dalam melaksanakan tugas berbanding individu yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah (Bandura, 2006; van Rooij et al., 2019).

Secara umumnya, efikasi sendiri ialah kepercayaan terhadap keupayaan dan kecekapan diri sendiri. Efikasi sendiri adalah peramal kuat kepada motivasi, emosi, dan tingkah laku dalam semua bidang aktiviti manusia (Charoensukmongkol & Pandey, 2020). Dengan adanya efikasi sendiri didalam diri, ia menjadikan seseorang dapat menyesuaikan diri dengan lebih baik jika berada dalam kelompok budaya yang berbeza (Wawrosz & Jurásek, 2021). Efikasi sendiri adalah kuasa dalaman yang dapat mendorong individu untuk menstabilkan dirinya ketika berada dalam budaya yang berbeza (Hu et al., 2018). Jika efikasi sendiri diterapkan dengan baik di dalam diri, individu akan dapat menangani tugas yang diberikan dengan berkesan serta tugas tersebut akan dapat diselesaikan dengan sebaiknya (Charoensukmongkol & Pandey, 2020).

Efikasi sendiri guru boleh dibahagikan kepada dua fungsi utama iaitu keupayaan sendiri dan keupayaan mengajar. Keupayaan sendiri adalah keyakinan terhadap kebolehan yang dimiliki untuk mengubah seseorang pelajar. Manakala keupayaan mengajar merujuk kepada kemampuan untuk mengubah pencapaian pelajar (Gibson & Dembo, 1984).

### **Efikasi Kendiri dan Hubungan antara Budaya**

Pendidikan pelbagai budaya telah muncul untuk menghapuskan masalah kepelbagaian budaya dan untuk menjadikan masyarakat memandang kepelbagaian budaya sebagai sesuatu yang unik. Pendidikan pelbagai budaya ialah gerakan pembaharuan yang direka untuk membuat beberapa perubahan dalam sistem pendidikan. Penyelidikan yang dijalankan menunjukkan bahawa sekolah-sekolah perlu diperbaharui bagi melaksanakan pendidikan pelbagai budaya dengan berkesan (Nieto, 2017).

Bagi menjayakan kepelbagaian budaya yang terdapat di sekolah, sikap, kepercayaan, dan efikasi sendiri guru mestilah berada pada tahap yang terbaik dan memuaskan supaya dapat menunjukkan contoh yang terbaik kepada pelajar (Martin & Dagostino-Kalniz, 2015). Hal ini kerana gurulah yang akan menjadi model secara tidak langsung untuk menunjukkan contoh yang terbaik kepada pelajar yang pelbagai. Efikasi sendiri yang tinggi terhadap budaya yang berbeza akan menunjukkan kemampuan guru terhadap keupayaan guru untuk bergaul di dalam persekitaran yang terdiri daripada budaya yang pelbagai, seterusnya tahap kompetensi guru untuk mengajar pelajar daripada budaya yang pelbagai akan diyakini (Choi & Lee, 2020). Selain itu, efikasi sendiri perlu dilihat dengan lebih teliti kerana ia merangkumi efikasi dalam membuat sesuatu keputusan yang melibatkan budaya yang pelbagai, dan efikasi terhadap pengajaran guru terhadap pelajar yang pelbagai (Halim & Sahid, 2020).

Guru yang mempunyai efikasi sendiri yang lebih tinggi akan lebih bersedia dalam menerima inovasi dalam sistem pendidikan pelbagai budaya. Hal ini kerana kekuatan efikasi sendiri individu sangat penting bagi membentuk dan mencorak budaya di tempat kerja yang pelbagai (Lumbai & Zain, 2016). Jika efikasi sendiri individu tinggi, daya kemampuannya untuk berhadapan dengan budaya yang berbeza akan kuat kerana secara tidak langsung ketahanan akal dan fikirannya dapat menerima perbezaan budaya yang mana ianya berbeza dengan kebiasaan persekitarannya (Sobkowiak, 2019).

Selain itu, efikasi sendiri juga dapat menjadikan guru berasa lebih bersemangat untuk mengajar di dalam kelas yang pelbagai, menggunakan kreativiti tentang kepelbagaian budaya ketika mengajar, menggalakkan pelajar untuk bekerjasama di dalam kelas, membentuk pelajar untuk menghormati kepelbagaian, dan dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif (Siwatu, 2011; Clark & Newberry, 2019).

### **Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Kompetensi Budaya dalam Kalangan Pelajar Program Pendidikan Guru**

Dalam hubungan antara budaya, efikasi sendiri adalah sesuatu yang penting. Individu yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang rendah ketika berhadapan dengan budaya yang berbeza akan cenderung untuk mengelakkan diri daripada persekitaran yang pelbagai budaya kerana mereka tidak mempunyai keyakinan diri untuk bergaul dengan masyarakat yang pelbagai (Wawrosz & Jurásek, 2021).

Dalam dunia pendidikan, guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi mempunyai kebolehan untuk menarik pelajar supaya terlibat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Ia secara tidak langsung akan meningkatkan kefahaman pelajar terhadap pengajaran yang disampaikan. Kajian telah menunjukkan bahawa guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi lebih mengambil berat terhadap pelajar dan bertanggungjawab terhadap pencapaian pelajar (Sela-Shayovitz & Finkelstein, 2020). Efikasi sendiri guru adalah berkaitan dengan kualiti pengajaran dan tahap sokongan yang mereka berikan kepada pelajar mereka (Guo et al., 2014). Guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang kreatif untuk memastikan pelajar faham apa yang dipelajari (Deemer, 2014).

Untuk menyediakan guru dengan kaedah mengajar yang lebih baik ketika berhadapan dengan pelajar yang pelbagai, *Professional Development in Multicultural Education* (PDME) direka untuk membantu meningkatkan efikasi sendiri guru dalam kelas yang mempunyai

kepelbagaian budaya pelajar (Grimberg & Gummer, 2013). Ini adalah untuk meningkatkan kesedaran guru tentang kepelbagaian budaya pelajar, memahami kepelbagaian budaya pelajar, dan menggalakkan persekitaran pembelajaran yang inklusif untuk pelajar yang pelbagai. PDME berjaya menyumbang kepada efikasi sendiri guru dan guru berjaya untuk berhadapan dengan pelajar yang pelbagai budaya (Parkhouse et al., 2019).

Pelajar program pendidikan guru atau bakal guru daripada etnik minoriti mempunyai efikasi sendiri yang lebih tinggi ketika mengajar pelajar dari budaya minoriti. Bakal guru perlu mempunyai efikasi sendiri bagi membendung masalah stereotaip dan pandangan negatif mereka terhadap pelajar dari budaya yang pelbagai. Melihat kepada perkara ini, bakal guru seharusnya mempunyai motivasi dalaman supaya dapat bertindak tanpa prejudis terhadap pelajar dari kelompok budaya minoriti (Glock & Kleen, 2019).

Program pendidikan guru perlu memberi peluang yang banyak kepada bakal guru untuk terlibat dengan kepelbagaian budaya supaya dapat meningkatkan efikasi sendiri mereka untuk mengajar pelajar yang pelbagai dan seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap pengajaran guru terhadap pelajar (Whitaker & Valtierra, 2018). Untuk melihat keberkesanan program pendidikan pelbagai budaya, kepercayaan, sikap, dan efikasi sendiri guru adalah penting (Yildirim & Tezci, 2016). Peningkatan keputusan akademik pelajar meningkat jika bakal guru mempunyai efikasi sendiri yang tinggi ketika mengajar pelajar yang pelbagai (Siwatu, 2007; Strickland, 2018). Efikasi sendiri di dalam pengajaran digambarkan sebagai tahap di mana bakal guru memiliki keyakinan bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi prestasi pelajar di dalam kelas. Bagi meningkatkan keyakinan bakal guru, program persediaan perguruan perlu berusaha untuk membangunkan efikasi sendiri bakal guru (Unal et al., 2017).

Menurut Van Dinther et al. (2015), bakal guru dari lepasan Institut Pendidikan Guru, pengajian berkenaan pendidikan yang dipelajari di institut tersebut amat penting dalam membina efikasi sendiri seorang guru. Program pendidikan yang ditawarkan di institut tersebut haruslah berjaya memotivasikan bakal guru dengan penguasaan yang optimum ketika berhadapan dengan pelajar (Clark & Newberry, 2019). Bagi menjaga hubungan yang baik dengan pelajar, bakal guru perlu mempunyai efikasi sendiri yang tinggi. Bakal guru perlu yakin untuk mengajar pelajar daripada budaya yang pelbagai di dalam kelas (Ateh & Ryan, 2023). Hal ini dapat mengurangkan prasangka dan menggalakkan pelajar untuk memupuk sikap saling hormat-menghormati diantara satu sama lain (Roh, 2015).

Kajian Yada et al. (2021) mendapati bakal guru yang mempunyai pengalaman mengajar yang lebih lama telah memberi kesan positif terhadap efikasi sendiri mereka. Ia bertepatan dengan kajian terdahulu yang menyatakan keputusan yang sama iaitu efikasi sendiri bakal guru dipengaruhi oleh pengalaman mengajar individu (Usher & Pajares, 2008). Oleh hal demikian, boleh dibuat kesimpulan bahawa pengalaman mengajar yang diperoleh telah meningkatkan penguasaan pengajaran bakal guru terhadap pelajar daripada pelbagai budaya.

## **Kesimpulan**

Di sekolah, kemahiran bakal guru dalam menggunakan strategi, pendekatan, kaedah pengajaran berkesan dan teknik yang bersesuaian dapat membantu mereka dalam menerapkan elemen-elemen yang signifikan dengan pelajar yang datangnya daripada pelbagai budaya. Kebijaksanaan bakal guru memilih metodologi pengajaran akan menjadikan

pengajaran bakal guru dan pembelajaran pelajar menjadi lebih bermakna dan berkesan. Ditambah pula jika bakal guru mempunyai efikasi sendiri yang tinggi untuk mengajar pelajar daripada pelbagai budaya, nescaya pembelajaran di dalam kelas menjadi tidak bosan kerana pelajar akan tertarik untuk melibatkan diri secara langsung ketika sesi pembelajaran berlaku. Bakal guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan sentiasa bersedia mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu untuk mendidik pelajar dengan cemerlang, bukan sahaja ilmu berkaitan kurikulum dan pedagogi, bahkan ilmu-ilmu yang berkaitan pengaplikasian teknologi maklumat sesuai dengan tuntutan masa kini.

### Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan di atas penganugerahan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), FRGS/1/2020/SS0/UNIMAP/02/4 daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

### Rujukan

- Abdullah, N. A. T., & Liu, O. P. (2018). Latar Belakang Sejarah Sistem Pendidikan dan Masyarakat Majoriti Minoriti di Malaysia. *Buku Prosiding International Colloquium on Integration Platform*, 74–100.
- Ahmad, Y., Abd Aziz, M. K. N., Sulaiman, S., Abdul Mutalib, S., & Rose, N. N. (2018). Cross Ethnic Friendship among Multi-ethnic Students and Teacher's Role in Supporting Cultural Diversity in School. *MATEC Web of Conferences*, 150, 1–5. <https://doi.org/10.1051/mateconf/201815005057>
- Alizadeh, S., & Chavan, M. (2015). Cultural competence dimensions and outcomes: A systematic review of the literature. *Health & Social Care in the Community*, 24. <https://doi.org/10.1111/hsc.12293>
- Ateh, C. M., & Ryan, L. B. (2023). Preparing teacher candidates to be culturally responsive in classroom management. *Social Sciences & Humanities Open*, 7(1). <https://doi.org/10.1016/j.ssaho.2023.100455>
- Bandura, A. (1997a). *Self-Efficacy: The exercise of control*. Worth Publishers.
- Bandura, A. (1997b). *Self-Efficacy in changing societies*. Cambridge University Press.
- Bandura, A. (2006). Self efficacy and adolescence. In F. Pajares & T. Urdan (Eds.), *Guide for constructing self-efficacy scales* (pp. 307–337). Greenwich, CT: Information Age.
- Bandura, Albert. (1977). Self-efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change. *Psychological Review*, 84(2), 191–215. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-75361-4>
- Barakat, L. L., Lorenz, M. P., Ramsey, J. R., & Cretoiu, S. L. (2015). "Global managers: An analysis of the impact of cultural intelligence on job satisfaction and performance." *International Journal of Emerging Markets*, 10(4), 781–800. <https://doi.org/10.1108/IJoEM-01-2014-0011>
- Charoensukmongkol, P., & Pandey, A. (2020). The influence of cultural intelligence on sales self-efficacy and cross-cultural sales presentations: does it matter for highly challenge-oriented salespeople? *Management Research Review*, 43(12). <https://doi.org/10.1108/MRR-02-2020-0060>
- Choi, S., & Lee, S. W. (2020). Enhancing Teacher Self-Efficacy in Multicultural Classrooms and School Climate: The Role of Professional Development in Multicultural Education in the United States and South Korea. *AERA Open*, 6(4), 233285842097357. <https://doi.org/10.1177/2332858420973574>

- Clark, S., & Newberry, M. (2019). Are we building preservice Teacher self-efficacy? A large-scale study examining Teacher education experiences. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*, 47(1), 32–47. <https://doi.org/10.1080/1359866X.2018.1497772>
- Deemer, S. A. (2014). Classroom goal orientation in high school classrooms: Revealing links between teacher beliefs and classroom environments. *Educational Research*, 46, 73–90. <https://doi.org/https://doi.org/10.1080/0013188042000178836>
- Glock, S., & Kleen, H. (2019). Attitudes toward students from ethnic minority groups: The roles of preservice teachers' own ethnic backgrounds and teacher efficacy activation. *Studies in Educational Evaluation*, 62(November 2018), 82–91. <https://doi.org/10.1016/j.stueduc.2019.04.010>
- Grimberg, B. I., & Gummer, E. (2013). Teaching science from cultural points of intersection. *Journal of Research in Science Teaching*, 50(1), 12–32. <https://doi.org/https://doi.org/10.1002/tea.21066>
- Guo, Y., Dynia, J. M., Pelatti, C. Y., & M, J. L. (2014). Self-efficacy of early childhood special education teachers: links to classroom quality and children's learning for children with language impairment. *Teaching and Teacher Education*, 39, 12–21. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.tate.2013.11.00>
- Halim, N., & Sahid, S. (2020). Kemahiran Kesediaan Kerja, Efikasi Kendiri, Tingkah Laku Keusahawanan dan Eksplorasi Kerjaya dalam kalangan Graduan (Work Readiness Skills, Self-Efficacy, Entrepreneurial Behavior and Career Exploration among Graduates). *Akademika*, 90, 155–165. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-90IK3-12>
- Hu, S., Liu, H., & Gu, J. (2018). What role does self-efficacy play in developing cultural intelligence from social media usage? *Electronic Commerce Research and Applications*, 28, 172–180. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.elerap.2018.01.009>
- Lumbai, J., & Zain, S. (2016). Pengaruh Amalan Kepimpinan Berstruktur, Efikasi Guru dan Norma-norma Budaya Terhadap Keprihatinan Guru Sekolah Kebangsaan di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(3), 152–183. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v1i3.25>
- MacNab, B. R., & Worthley, R. (2012). Individual characteristics as predictors of cultural intelligence development: The relevance of self-efficacy. *International Journal of Intercultural Relations*, 36(1), 62–71. <https://doi.org/https://doi.org/10.1016/j.ijintrel.2010.12.001>
- Martin, R. J., & Dagostino-Kalniz, V. (2015). Living Outside Their Heads: Assessing the Efficacy of a Multicultural Course on the Attitudes of Graduate Students in Teacher Education. *Journal of Cultural Diversity*, 22(2), 43–49.
- Nieto, S. (2017). Re-imagining multicultural education: New visions, new possibilities. *Multicultural Education Review*, 9, 1–10. <https://doi.org/10.1080/2005615X.2016.1276671>
- Omar, H., Haron, Z., & Kamri, K. A. (2018). Sensitiviti kepelbagaian budaya dalam kalangan guru sekolah kebangsaan pelbagai etnik. *Journal Sunan Gunung Jati State Islamic University*.
- Paine, L., Aydarova, E., & Syahril, I. (2017). *Globalization and Teacher Education*.
- Parkhouse, H., Lu, C. Y., & Massaro, V. R. (2019). Multicultural education professional development: A review of the literature. *Review of Educational Research*, 89(3), 416–458. <https://doi.org/https://doi.org/10.3102/0034654319840359>
- Roh, S.-Z. (2015). Exploring the Multicultural Efficacy of Korean Pre-Service Secondary School Teachers and their Experience toward Multiculturalism and Multicultural

- Education. *International Journal of U- and e-Service, Science and Technology*, 8(8), 179–188. <https://doi.org/10.14257/ijunesst.2015.8.8.18>
- Sela-Shayovitz, R., & Finkelstein, I. (2020). Self-efficacy in teaching multicultural students in academia. *International Journal of Higher Education*, 9(1), 159–167. <https://doi.org/10.5430/ijhe.v9n1p159>
- Siwatu, K. O. (2007). Preservice teachers' culturally responsive teaching self-efficacy and outcome expectancy beliefs. *Teaching and Teacher Education*, 23, 1086–1101.
- Siwatu, K. O. (2011). Preservice Teachers' Culturally Responsive Teaching Self-Efficacy-Forming Experiences: A Mixed Methods Study. *The Journal of Educational Research*, 104(5), 360–369. <https://doi.org/10.1080/00220671.2010.487081>
- Sobkowiak, P. (2019). The impact of studying abroad on students' intercultural competence: An interview study. *Studies in Second Language Learning and Teaching*, 9, 681–710. <https://doi.org/10.14746/ssl.2019.9.4.6>
- Strickland, D. L. (2018). *Factors Relating to the Multicultural Efficacy and Attitudes of Teachers*. Georgia Southern University, Statesboro, GA.
- Ünal, E., Yamaç, A., & Uzun, A. M. (2017). The effect of the teaching practice course on pre-service elementary teachers' technology integration self-efficacy. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 5(3), 39–53. [www.mojet.net](http://www.mojet.net)
- Usher, E. L., & Pajares, F. (2008). Sources of Self-Efficacy in School: Critical Review of the Literature and Future Directions. *Review of Educational Research*, 78(4), 751–796. <https://doi.org/10.3102/0034654308321456>
- Van Dinther, M., Dochy, F., & Segers, M. (2015). The contribution of assessment experiences to student teachers' self-efficacy in competence-based education. *Teaching and Teacher Education*, 49, 45–55. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2015.02.013>
- van Rooij, E. C. M., Fokkens-Bruinsma, M., & Goedhart, M. (2019). Preparing Science Undergraduates for a Teaching Career: Sources of Their Teacher Self-Efficacy. *Teacher Educator*, 54(3), 270–294. <https://doi.org/10.1080/08878730.2019.1606374>
- Wawrosz, P., & Jurásek, M. (2021). Developing Intercultural Efficiency: The Relationship between Cultural Intelligence and Self-Efficacy. *Social Sciences*, 10(312). <https://doi.org/10.3390/socsci10080312>
- Whitaker, M. C., & Valtierra, K. M. (2018). Enhancing preservice teachers' motivation to teach diverse learners. *Teaching and Teacher Education*, 73, 171–182. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2018.04.004>
- Yada, A., Björn, P. M., Savolainen, P., Kyttälä, M., Aro, M., & Savolainen, H. (2021). Pre-service teachers' self-efficacy in implementing inclusive practices and resilience in Finland. *Teaching and Teacher Education*, 105. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2021.103398>
- Yildirim, S., & Tezci, E. (2016). Teachers' Attitudes, Beliefs and Self-Efficacy about Multicultural Education: A Scale Development. *Universal Journal of Educational Research*, 4(12A), 196–204. <https://doi.org/10.13189/ujer.2016.041325>